

11 MAY 1996  
Mahathir-Semangat  
SOKONGAN HARUS UNTUK PARTI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyambut baik pengakuan Parti Melayu Semangat 46 (S46) untuk menyokong kepimpinannya dan berharap sokongan itu bukan semata-mata untuk beliau tetapi kepada Umno.

"Saya berterima kasih kerana seperti mana kita tahu (Semangat) 46 belum masuk Umno, mereka masih merupakan (Semangat) 46 dan ada dalam kerajaan Kelantan.

"Pengakuan bahawa (Semangat) 46 akan menyokong Umno, saya terima baik, tapi bukanlah sokong saya seorang, sokong saya sahaja tak jadilah," kata Perdana Menteri pada persidangan berita selepas berakhir Konvensyen Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah semalam bahawa parti itu akan memberi sokongan dan kerjasama sebagai rakan kepada parti yang memerintah serta menyokong kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata anggota-anggota S46 boleh menyertai Umno secara beramai-ramai tetapi perlu mengelakkan wujudnya berpuak-puak.

"Apabila berada dalam Umno, mereka akan menjadi anggota Umno dan bukan anggota Umno bekas S46, mereka hanya menjadi anggota Umno.

"Kita tak hendak ada satu puak daripada apa-apa sebab sama ada asas, asal, ataupun kefahaman.

"Kalau ada puak-puak dalam Umno, maka kita akan menghadapi masalah," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun mereka masuk secara bersama tetapi proses pengisian borang oleh individu perlu dibuat. Ini kerana mereka akan diterima secara individu, katanya.

Dr Mahathir dan Tengku Razaleigh telah mengadakan dua pertemuan dalam masa enam minggu lepas bagi membincangkan soal perpaduan Melayu termasuk kemungkinan Tengku Razaleigh serta anggota-anggota S46 menyertai Umno.

Tengku Razaleigh dan beberapa pemimpin S46 termasuk Timbalan Presiden Datuk Rais Yatim menghadiri majlis pembukaan konvensyen sehari itu sebagai langkah pertama dan berkesan ke arah penyatuan parti itu ke dalam Umno.

Ketika ditanya mengenai kemasukan semula anggota S46 ke dalam Umno, Dr Mahathir berkata mereka tidak keluar dari Umno.

"Apa yang berlaku ialah Umno diharamkan dan kita tubuh Umno baru dan mereka tidak menyertai Umno sebaliknya mereka menubuhkan sebuah parti lain.

"Jadi soal keluar masuk tidak timbul," katanya.

Ketika ditanya sama ada kemasukan semula anggota S46 ke dalam Umno menimbulkan kebimbangan di kalangan sesetengah anggota Umno, Dr Mahathir berkata sepanjang pengetahuan beliau, tidak ada pihak yang menghalang kemasukan semula mereka.

Ketika ditanya sama ada peluang Barisan Nasional akan lebih cerah untuk memenangi semula Kelantan dengan sokongan S46, beliau berkata: "Lebih cerah tetapi sama ada kita boleh bentuk kerajaan ataupun tidak belum tentulah."

-- BERNAMA  
RAM AZZ AKD